



GARIS PANDUAN PENGUNAAN BENCH FEE

BAGI PELAJAR SESI AMBILAN
2017/2018
DAN KE ATAS

FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK



★ GARIS PANDUAN INI DIPINDA DAN DIPERAKUKAN OLEH MESYUARAT JAWATANKUASA
PENGURUSAN UNIVERSITI (JKPU) BIL. 3/2021 BERTARIKH 3 FEBRUARI 2021.

PINDAAN KALI KE - 2/2023. BERKUATKUASA 1 OKTOBER 2023.

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN *BENCH FEE* FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK

1. PENGENALAN

- 1.1. Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada warga Fakulti bagi penggunaan *Bench Fee* Fakulti Sains dan Matematik (FSM).
- 1.2. Peruntukan *Bench Fee* ini tertakluk kepada pelajar di bawah Program Sarjana dan Doktor Falsafah bagi bidang Sains ambilan 2017/2018 dan ke atas sahaja.
- 1.3. Bagi permohonan Yuran Pembentangan (oral) Seminar, pelajar diwajibkan untuk menggunakan peruntukan pembentangan IPS terlebih dahulu sebelum memohon peruntukan *Bench Fee*.
- 1.4. Perolehan yang melebihi RM 150.00 perlu menggunakan Pesanan Belian (P.O).
- 1.5. Pembiayaan adalah menggunakan peruntukan Tabung Akaun Amanah IPS - Fakulti Sains dan Matematik.
- 1.6. Tertakluk kepada status pelajar (aktif/disertasi disemak) dan baki semasa. Semakan baki peruntukan boleh dibuat melalui pegawai di Unit Pascasiswazah, FSM.

2. KADAR *BENCH FEE* YANG LAYAK DITERIMA OLEH PELAJAR

Pengajian	Tempatan	Antarabangsa
Sarjana	RM500.00/Semester	RM1000.00/Semester
Doktor Falsafah	RM800.00/Semester	RM1,600.00/Semester

Tertakluk kepada status terkini pelajar (aktif/disertasi disemak).

3. KRITERIA PEMBIAYAAN

Bil.	Kriteria Pembiayaan
1.	<p>Bahan – bahan keperluan penyelidikan seperti bahan kimia, alat radas dan keperluan lain yang berkaitan dengan penyelidikan pelajar. (Tiada had maksimum bagi harga bahan keperluan tetapi tertakluk kepada baki semasa pelajar dan peraturan kewangan Universiti).</p> <p>Pembelian alatan makmal mestilah tidak melebihi had maksimum RM 300.00. Contoh : Kanta Optik, <i>Multimeter</i>, <i>PH Meter</i>, <i>Slaid Kaca</i>, <i>Gloves</i>, Piring Petri, Pipet Kaca, Bikar, Tabung Uji, <i>Spatula</i>, <i>Hot Plate</i>, <i>Analytical Balance</i> dan sebagainya.</p>

Bil.	Kriteria Pembiayaan
2.	Pembayaran keperluan sokongan pakar yang terdapat di Universiti luar.
3.	Pembayaran sewaan peralatan bagi ujian sampel atau pembelian/sewaan perisian (<i>software</i>) yang perlu dilakukan di dalam atau luar daripada UPSI.
4.	Yuran – yuran berkaitan penyelidikan: i. Yuran menyertai bengkel/latihan/seminar/pertandingan ii. Yuran penerbitan artikel jurnal bagi memenuhi syarat bergraduat. iii. Yuran bayaran bacaan prof artikel atau disertasi/tesis.
5.	Tuntutan perjalanan (jalan darat) berkaitan penyelidikan termasuk perkara berikut : i. Perbincangan dan pengambilan data. ii. Menjalankan analisis. iii. Bengkel/latihan/seminar.
6.	Tuntutan penginapan bagi Perkara 5 . Kadar untuk pelajar adalah RM 120.00/hari dan perlu kemukakan resit.
7.	Kos – kos lain penyelidikan yang telah disahkan oleh Penyelia/Fakulti.

4. CARA PERMOHONAN

4.1. Pembelian bahan keperluan penyelidikan/perisian ATAU sewaan peralatan/perisian :

- i. Mengisi dan melengkapkan borang mengikut kategori seperti berikut :
 - a. Borang Permohonan *Bench Fee* - perolehan RM1,000.00 dan ke bawah.
 - b. Borang Belian Terus - perolehan RM1,001.00 sehingga RM20,000.00.
- ii. Mendapatkan sebutharga dari Pembekal.
- iii. Memastikan borang telah disahkan oleh Penyelia/JK Teknikal/Ketua Jabatan. Borang yang telah lengkap perlu dihantar ke Pejabat Pentadbiran Fakulti Sains dan Matematik.

4.2. Pembelian/pembayaran keperluan sokongan pakar, yuran bengkel/kursus, penerbitan artikel, bacaan prof, tuntutan perjalanan berkaitan penyelidikan, dan bayaran penginapan :

- i. Membuat permohonan dengan mengisi dan melengkapkan Borang Permohonan *Bench Fee*.
- ii. Mengemukakan dokumen sokongan berkaitan.
- iii. Memastikan borang disahkan oleh Penyelia Pelajar.
- iv. Mengisi Borang Wang Yang Didahulukan jika pelajar telah membuat bayaran (berserta resit asal). **Tertakluk kepada peraturan kewangan yang telah ditetapkan oleh Universiti.** Borang boleh dicetak melalui laman web Jabatan Bendahari.

NOTA :

- i. Pihak Fakulti akan mengeluarkan Pesanan Belian (P.O) kepada Pembekal.
- ii. Permohonan pembiayaan tidak boleh melebihi baki semasa pelajar.
- iii. Pembiayaan akan diberhentikan jika pelajar tersebut gugur status sebagai pelajar UPSI.